MAYBAN FINANCE BERHAD

lwn.

ALPHA GLOVE SDN. BHD. & 2 LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
TUAN T. SELVENTHIRANATHAN PK.
[GUAMAN SIVIL NO. 22-414-92]
4 JULAI 1994

***AMALAN & PROSEDUR**: Penghakiman terus - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A. 14 - Permohonan dibuat 23 hari selepas pembelaan difailkan - Samada terlalu lewat - Samada Mahkamah boleh meneliti merit kes dan memberi penghakiman jikapun berlaku kelewatan.*

***AMALAN & PROSEDUR**: Penghakiman terus - Samada wujud isu-isu yang perlu dibicarakan - Defendan mempertikaikan faedah yang dikenakan oleh plaintif - Samada Mahkamah boleh memberi penghakiman untuk jumlah pokok dan memerintahkan isu faedah dibicarakan.*

Ini adalah permohonan oleh plaintif untuk kebenaran memasukkan penghakiman muktamad terhadap ketiga-tiga defendan untuk jumlah RM 292,843.92 serta faedah berkadar sebanyak 15% setahun bagi amaun itu. Plaintif adalah pemilik satu set mesin sarung tangan dan telah menyewabeli mesin tersebut kepada defendan pertama dengan harga RM 959,840. Defendan kedua dan ketiga adalah penjamin bagi perjanjian sewabeli itu. Defendan pertama gagal membayar ansuran bulanan bagi sewabeli tersebut dan bertindak memulangkan mesin berkenaan kepada plaintif. Plaintif selepas itu menjual mesin berkenaan dan akibatnya telah menanggung kerugian sebanyak jumlah yang dituntut di atas.

Dalam afidavit bantahannya defendan pertama antara lain menghujah bahawa plaintif telah tidak mengambil tindakan ini dengan secepat mungkin dan kelewatan sedemikian menghalang (estopped) plaintif dari mengambil tindakan ini. Beliau selanjutnya membantah tentang jumlah faedah yang dituntut dan mengatakan bahawa faedah yang patut dituntut hanyalah 8% dan bukannya 15%. Persoalan yang timbul ialah samada hujah-hujah defendan ini membangkitkan isu-isu yang perlu dibicarakan, dan dengan itu juga, samada penghakiman terus patut dibenarkan atau pun tidak.

Diputuskan:

[1] Fakta menunjukkan bahawa plaintif telah membuat permohonan ini 23 hari selepas pembelaan difailkan. Kelewatan ini tidak terlampau setelah mengambil kira alasan yang diberi, yang boleh diterima, bahawa ianya disebabkan kecicirán beberapa dokumen serta tindakan memperolehi resit iklan. Sekiranyapun Mahkamah tidak menerima alasan kelewatan ini, adalah jelas bahawa Mahkamah masih boleh memberi perhatian kepada merit kes plaintif dan seterusnya memberi penghakiman jika patut sepertimana yang dilakukan oleh Dr. Zakaria Yatim H. dalam *Tractors Malaysia Berhad v Joseph Thambirajah & Anor* [1986] 2 CLJ 72.

[2] Plaintif telah mengesahkan kesnya melalui afidavit-afidavit dan dokumen-dokumen yang membuktikan permohonannya di bawah A. 14 untuk penghakiman muktamad. Sebaliknya adalah nyata bahawa afidavit defendan pada keseluruhannya tidak menyangkal affidavit plaintif dan hanyalah merupakan pengataan kosong sematamata. Afidavit-afidavit tersebut juga tidak memberikan butir-butir terperinci atau dengan kata lain "does not condescend upon particulars" seperti semestinya. Telah menjadi prinsip undang-undang bahawa pengataan yang tidak

disangkal hendaklah dianggap sebagai benar. Oleh hal yang demikian Mahkamah memutuskan bahawa dalam kes ini tidak ada apa-apa isu yang patut dibicarakan.

[3] Walaupun defendan membantah tentang faedah tertunggak dan menyatakan bahawa faedah tertunggak ialah 8% dan bukannya 15%, ini tidak menghalang Mahkamah, jikapun persoalan ini menjadi satu isu yang perlu dibicarakan, dari memberi penghakiman untuk jumlah pokok dan memerintahkan bahawa isu faedah dibicarakan di bawah A. 14 k. 3(1) KMT 1980, sepertimana yang diputuskan oleh Dr. Zakaria Yatim H. dalam *Development and Commercial Bank Berhad v Dato' KK Sharma* [1987] 1 CLJ 268. Oleh itu penghakiman muktamad dengan kos dimasukkan bagi plaintif untuk amaun pokok dan soalan faedah akan diputuskan selepas perbicaraan perkara itu.

[Permohonan dibenarkan sekadarnya]

Kes-kes yang dirujuk:
Metal Industries Sdn Bhd v Trikkon Construction Sdn Bhd [1991] 3 CLJ 2946 ***(diikuti)***
Tractors Malaysia Berhad v. Joseph Thambirajah and Another [1986] 2 CLJ 72 ***(diikuti)***
Bank Negara Malaysia v Mohd Ismail bin Ali Johor and 2 Others [1992] 1 CLJ 627 ***(dirujuk)***
Ming Lian Corporation Sdn Bhd v Han Noordin [1974] 1 MLJ 52 ***(dirujuk)***
Credit Corporation (M) Berhad v. Choi Sang and Another [1989] 1 CLJ 1070 ***(dirujuk)***
Development and Commercial Bank Berhad v. Dato' KK Sharma [1987] 1CLJ 268 ***(diikuti)***
Industrial Resources Sdn. Bhd. v. Awang Tahir bin Haji Hamzah [1988] 2 MLJ 359 ***(dirujuk)***
Overseas Investment Pte Ltd v. Anthony William O'Brien and Another [1988] 3 MLJ 332 ***(diikuti)***
Foo Chee Tuck v. Chong Ah Hong @ Chong Yen Long and Another [1987] 1 CLJ 271 ***(diikuti)***
United Malayan Banking Co v. Palm and Vegetable Oils (M) Sdn. Bhd. and Others [1983] 1 MLJ 206 ***(dibezakan)***

Perundangan yang dirujuk:
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 14, k. 4 (1)
Akta Sewabeli 1967, s. 1(2)

Bagi pihak plaintiff - Lim Mook San; T/n. Paul Chong & Krall
Bagi pihak defendan-defendan - N Nakaretanam; T/n. Retanam & Associates

ALASAN PENGHAKIMAN

T. Selventhiranathan PK:
Plaintif mengemukakan permohonan ini melalui lampiran (7) di bawah A. 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ["Aturan 14"] untuk kebenaran memasukkan penghakiman muktamad terhadap ketiga-tiga defendan untuk satu amaun berjumlah RM292,843.92, faedah berkadar 15% setahun atas amaun itu dari tarikh penghakiman hingga tarikh penyelesaian, dan kos. Plaintif memfailkan afidavit-afidavit bagi menyokong permohonannya manakala afidavit-afidavit jawapan membantah permohonan bagi pihak ketiga-tiga defendan telah difailkan sebaliknya.

Adalah kes plaintif bahawa melalui satu perjanjian sewabeli bertarikh 14 September 1988, atas permintaan defendan pertama, plaintif telah bersetuju untuk menyewa kepada defendan pertama secara sewabeli satu set lengkap mesin membuat sarung tangan ["kelengkapan tersebut"] dengan harga sewabeli berjumlah RM959,840 yang patut dibayar dengan satu bayaran deposit sebanyak RM511,840 dan bakinya dengan empat puluh tujuh bayaran ansuran bulanan sebanyak RM9,334 sebulan mulai 1 Oktober 1988 dan satu ansuran terakhir sebanyak RM9,302. Di bawah perjanjian sewabeli itu defendan pertama telah bersetuju, di antara lain, seperti berikut:

(a) untuk membayar faedah di atas mana-mana ansuran yang mungkin tertunggak dari masa ke semasa, pada kadar 1.5% sebulan; dan

(b) untuk membayar plaintif kesemua perbelanjaan [termasuk kos guaman mengikut dasar indemniti penuh] yang dialami oleh plaintif dalam mengetahui di mana, mengambil possessi, meniaga, menginsurankan dan menyimpan kelengkapan tersebut dan untuk apa-apa prosiding guaman yang diambil oleh plaintif untuk menguatkuasakan terma-terma perjanjian sewabeli tersebut.

Defendan kedua dan ketiga melalui suatu perjanjian bertulis bertarikh 14 September 1988 juga [selepas ini dirujuk sebagai "perjanjian jaminan"], *inter alia,* telah menjamin bersesama dan berasingan pembayaran segala jumlah wang yang kena dibayar oleh defendan pertama kepada plaintif dan pematuhan dan pelaksanaan wajar terma terma dan syarat-syarat seperti yang terkandung di bawah perjanjian sewabeli oleh defendan pertama.

Defendan pertama telah memungkiri perjanjian sewabeli tersebut selepas membayar jumlah sebanyak RM614,514 yang merupakan bayaran deposit dan ansuran tetapi telah gagal membayar apa-apa bayaran ansuran sewaan semenjak bulan September 1989.

Defendan pertama kemudiannya telah memulangkan kelengkapan tersebut secara sukarela kepada plaintif pada 2 November 1990, dan dengan itu menamatkan perjanjian sewabeli tersebut. Plaintif selepas itu telah menjual kelengkapan tersebut pada 9 Oktober 1991 berdasarkan "as is where is" bagi harga RM40,000. Jumlah kekurangan yang ditanggung oleh plaintif selepas penjualan itu adalah sebanyak RM292,843.92.

Dengan surat bertarikh 28 Julai 1992 yang dialamatkan kepada ketiga-tiga defendan, plaintif telah memberi notis kepada mereka perihal jumlah kekurangan tetapi ketiga-tiga defendan telah gagal, enggan dan/atau cuai untuk membayar jumlah tersebut atau sebahagian daripadanya. Maka plaintif menuntut terhadap ketiga-tiga defendan untuk jumlah kekurangan tersebut [shortfall amount] yang ditanggung olehnya. Butir-butir terperinci akaun defendan pertama dengan plaintif juga dikemukakan.

Defendan pertama memfailkan pembelaan dan tuntutanbalas pada 30 November 1992. Dalam pembelaannya defendan pertama menyatakan tindakan ini adalah salah di segi undang-undang dan sekiranya perjanjian sewabeli dibuat di bawah Akta Sewabeli 1967, plaintif tidak mengikuti Akta itu sebelum dan selepas perjanjian dibuat. Defendan pertama menyatakan ianya tidak mengetahui tentang defendan kedua dan ketiga menjadi penjaminnya.Mengenai perjanjian sewabeli, defendan pertama menafikan kewujudannya dan meminta plaintif membuktikannya dengan tepat. Defendan pertama juga meminta plaintif membuktikan dengan tepat terma-terma perjanjian sewabeli dan menafikan menandatangani perjanjian sewabeli tersebut.

Sebagai alternatif, defendan pertama mengatakan ansuran ada dibayar dengan tepat dan, sekiranya ia gagal membuat bayaran, plaintif harus mengambil tindakan mengikut perjanjian dan Akta Sewabeli 1967 dengan secepat mungkin. Kelewatan plaintif berbuat sedemikian menghalang [estopped] plaintif dari mengambil tindakan ini.

Berhubung dengan pengembalian dan penjualan kelengkapan tersebut, defendan pertama berkata kelengkapan telah dipulangkan dengan perjanjian bahawa defendan pertama akan bayar wang sebanyak RM25,000 kepada plaintif sebagai bayaran penuh dan plaintif tidak boleh tuntut apa-apa baki.

Sebagai alternatif, defendan pertama mengatakan plaintif telah setuju dan juga memberi salah nyata bahawa plaintif akan menghubungi dan dapat pertolongan daripada defendan pertama atau kedua untuk mendapat pembeli bagi kelengkapan tersebut dengan harga sebanyak RM250,000 dan plaintif tidak akan ambil tindakan atas defendan pertama untuk apa-apa bakinya, dan plaintif akan juga menghubungi defendan kedua apabila tender dipanggil.

Walaupun kelengkapan telah dipulangkan, plaintif tidak memberi apa-apa notis sebelum menjualnya dan jualan kelengkapan tidak mengikuti nilaiannya dan ianya dijual dengan harga terlalu rendah.

Berhubung dengan notis yang diberi dan amaun yang dituntut, defendan pertama berkata bahawa:

(i) plaintif tidak mengikuti perjanjian;

(ii) faedah yang dikenakan terlalu lebih daripada yang dinyata dalam perjanjian;

(iii) penyata akaun dalam pernyataan tuntutan tidak jelas;

(iv) plaintif telah abai dan/atau gagal menjual kelengkapan dengan secepat mungkin dan untuk harga pasaran dan/atau harga berpatutan.

Oleh yang demikian, defendan pertama membuat tuntutanbalas terhadap plaintif dan menuntut kerugian. Defendan pertama mengatakan ianya mengalami kerugian apabila plaintif melambatkan mengambil tindakan dan juga apabila plaintif menjual kelengkapan dengan harga rendah. Butir-butir kerugian diberi seperti berikut:

(a) plaintif telah memberi nyataan bahawa apabila defendan pertama menyerahkan kelengkapan plaintif akan menjualnya dengan harga nilaian pasaran dan/atau harga patutan;

(b) plaintif akan menjual kelengkapan dengan secepat mungkin; dan

(c) plaintif mengetahui kelengkapan itu harus dijual bila ianya masih dalam keadaan boleh digunakan dan bukannya selepas dibuka.

Oleh yang demikian defendan pertama menuntutbalas gantirugi, faedah dan kos terhadap plaintif.

Pembelaan defendan kedua dan ketiga, yang difailkan juga pada 30 November 1992, mengulangi pembelaan defendan pertama dan menerimapakai pembelaan itu.

Plaintif memfailkan jawapan kepada pembelaan dan pembelaan terhadap tuntutanbalas pada 8 Disember 1992 dalam mana plaintif menafikan segala pengataan dan alegasi ketiga-tiga defendan dan meminta mereka membuktikannya secara terperinci.

Pada 22 Disember 1992 plaintif memfailkan permohonan ini untuk penghakiman muktamad di bawah A. 14 disokong oleh afidavit Mohd Jaferi bin Mohd Sani, seorang penolong pengurus plaintif di cawangannya di Pulau Pinang. Afidavit itu telah mengulangi avermen-avermen dalam tuntutan serta mengemukakan akaun terperinci tentang baki hutang dan mempamirkan ekshibit-ekshibit bagi menyokong permohonan plaintif.

Defendan kedua memfailkan afidavit jawapan kepada afidavit Mohd Jaferi dan menerimapakai pembelaan semua defendan dan mengatakan tindakan plaintif terhadap defendan adalah salah di segi undang-undang. Selepas itu pihak-pihak memfailkan afidavit-afidavit tambahan bagi menjawab afidavit-afidavit yang telah difailkan.

Encik Lim Mook San peguam bagi pihak plaintif telah membahagikan bantahan defendan-defendan di bawah tujuh butiran dan saya ingin memutuskan permohonan ini mengikut butiran itu seperti berikut.

(1) Kelewatan memfailkan permohonan di bawah Aturan 14

Defendan-defendan telah menyatakan permohonan ini hanya dibuat pada 22 Disember 1992, iaitu dua puluh tiga hari selepas pembelaan difailkan pada 30 November 1992, manakala permohonan seperti ini harus difailkan dengan serta-merta dan sebelum pembelaan difailkan. Jawapan plaintif adalah kelewatan ini tidak terlampau dan disebabkan keciciran beberapa dokumen dan tindakan memperolehi resit iklan.

Pada pendapat saya kelewatan ini tidak terlampau atas alasan yang diberi dan boleh diterima. Dalam kes *Metal Industries Sdn Bhd v Trikkon Construction Sdn Bhd* [1991] 3 CLJ 2946, Abdul Hamid bin Mohamed, PK [pada masa itu], telah terima kelewatan selama lima minggu bagi memfailkan permohonan di bawah A. 14 sebagai tidak keterlaluan dan menerima penjelasan mengenai masa yang diambil untuk mengesan beberapa dokumen sebagai munasabah.

Selain daripada itu, sekiranya pun Mahkamah tidak terima alasan kelewatan memfailkan permohonan, Mahkamah boleh memberi perbatian kepada merit kes dan seterusnya memberi penghakiman sebagaimana telah dilakukan oleh Dr Zakaria Yatim, H. dalam dalam kes *Tractors Malaysia Berhad v. Joseph Thambirajah and Another* [1986] 2 CLJ 72 di mana di mukasurat 75-76 beliau telah memutuskan seperti berikut:

> 9. Another point raised by Mr Kumar was that the plaintiffs did not act promptly in filing the O. 14 application. According to him, there was considerable delay in making the application and the plaintiffs had not given any reasons for the delay.
>
> 10. I agree with him that there was considerable delay in the present case. The writ was filed by the plaintiffs on 1 July 1981. Appearance was entered by the first defendant on 24 May 1982. His statement of defence was filed on 15 June 1982. The application for summary judgment against him was filed on 25 May 1983, i.e. nearly two years after filing of the writ and almost one year after the defence of the first defendant was filed. In *Societe Des Etains de Bayas Tudjuh v. Woh Heng Mining Kongsi* [1978] 2 MLJ 267 @ 268, Abdoolcader J, as he then was, said:
>
> > The writ in these proceedings was issued on July 8 1977, and served on July 29 on the defendants who filed their defence and counterclaim on August 12 raising several points of defence and counterclaim, but the plaintiffs only took out their application for summary judgment for the full amount of their claim on August 16. In *McLardy v. Slateum* the Divisional Court held that though it was the intention of the rules that the application should be made before a defence had been delivered in ordinary course, the plaintiff was not precluded from making it afterwards, but that in such an event the onus is cast on the plaintiff of showing why he did not apply sooner. The plaintiffs in this case have not discharged this onus and indeed Counsel appearing for them admitted this to be so.'
>
> Although there was a delay in that case and the plaintiff did not discharge the onus as to why he did not make the application for summary judgment sooner, the learned Judge, however, gave judgment for the plaintiff. In the light of the decision in the *Societe's* case, the Court has the power to enter summary judgment against the first defendant even though a defence had been filed and the plaintiff took some time to file the O. 14 application.

(2) Penafian menandatangani perjanjian

Ini dinyatakan dalam pembelaan tetapi ianya dibuat secara melulu dan tidak dapat diterima kerana jelas dapat dilihat adanya perjanjian yang ditandatangani. Dalam keadaan ini, defendan-defendan tidak boleh memberi keterangan lisan yang bercanggah dengan peruntukan perjanjian dalam bentuk bertulis: lihat s. 91 dan 92 Akta Keterangan 1950.

Di samping itu, dalam kes *Bank Negara Malaysia v Mohd Ismail bin Ali Johor and 2 others* [1992] 1 CLJ 627, Mahkamah Agung telah memutuskan bahawa adalah tidak wajar bagi sesuatu pihak menafikan secara kosong bahawa ia tidak menandatangani perjanjian berkenaan manakala dokumen itu membuktikan hakikat sebaliknya. Dalam keadaan seperti ini, Hakim seharusnya perlu menolak penafian kosong itu. Dalam kes tersebut Mohd Azmi, HMA, yang memberi keputusan majoriti Mahkamah Agung, telah mengatakan seperti berikut di mukasurat 631:

> ... On the treatment of conflict of evidence on affidavits, Lord Diplock speaking in the Privy Council in *Eng Mee Yong and others v Letcumanan* [19791 2 MLJ 212 had this to say at page 217:
>
> > Although in the normal way it is not appropriate for a Judge to attempt to resolve conflicts of evidence on affidavit, this does not mean that he is bound to accept uncritically, as raising a dispute of fact which calls for further investigation, every statement on an affidavit however equivocal, lacking in precision, inconsistent with undisputed contemporary documents or other statements by the same deponent, or inherently improbable in itself it may be. Although Lord Diplock was dealing with an application for removal of caveat in that particular case, we are of the view that the above principle of law is relevant and applicable in all cases where a Judge has to decide a case or matter on affidavit evidence.
>
> Under O. 14 application, the duty of a Judge does not end as soon as a fact is asserted by one party, and denied or disputed by the other on affidavit. Where such assertion, denial or dispute is equivocal, or lacking in precision or is inconsistent with undisputed contemporary documents or other statements by the same deponent or is inherently improbable in itself, then the Judge has a duty to reject such assertion or denial, thereby rendering the issue as not triable. In our opinion, unless this principle is adhered to, a Judge is in no position to exercise his discretion judicially under O. 14 application. Thus, apart from identifying the issues of fact or law, the Court must go one step further and determine whether they are triable. This principle is sometimes expressed by the statement that a complete defence need not be shown. The defence set up need only show that there is triable issue. Where the issue raised is solely a question of law without reference to any facts or where the facts are clear and undisputed, the Court should exercise its duty under O. 14. If the legal point is understood and the Court is satisfied that it is unarguable, the Court is not prevented from granting a summary judgment, merely because the question of law is at first blush of some complexity and therefore takes a little longer to understand. (See *Cow v Casey* [19491 All ER 197; and *European Asian Bank AG v. Punjab and Sind Bank* [1983] 2 All ER 508 at 516)

(3) Menandatangani borang kosong yang diisi kemudian

Ini dinyatakan dalam pembelaan defendan-defendan tetapi ianya tidak dapat diterima oleh kerana ini juga adalah suatu pengataan kosong yang mana plaintif telah sangkal dalam jawapannya kepada pembelaan: lihat kes *Ming Lian Corporation Sdn Bhd v Han Noordin* [1974] 1 MLJ 52, di mana Pawan Ahmad, H. (pada masa itu), telah memutuskan bahawa oleh kerana tidak ada apa-apa dalam pliding bahawa fraud atau salah pengataan (misrepresentation] wujud dalam menandatangani borang yang dikatakan kosong itu, maka defendan-defendan tidak boleh menafikan kesahihan perjanjian sewabeli berkenaan. Di mukasurat 54 laporan kes itu, Mahkamah mengatakan seperti berikut:

> Counsel for the plaintiffs referred to the case of *Gallie v Lee and another* [19691 1 All ER 1062 where it is laid down that unless fraud or misrepresentation is pleaded and proved by the defendant, the defendant cannot come to Court and say it was not an offer. In the present case neither fraud nor misrepresentation was pleaded or proved by the defendant and as such I agree with the submission of Counsel for the plaintiffs. I also agree with the submission of

Counsel for the plaintiffs that the defendant, who is an educated person and a retired Government official of many years standing, conversant with Court procedure, knew what he was signing for and that he was fully aware of the particulars which would have been inserted in the spaces left blank at the time of signing. I cannot imagine that a person of the class of the defendant would have been irresponsible to the extent of signing a blank form without having known the terms and conditions of the agreement. He took away the car immediately after signing the blank form. There thus was offer and acceptance and it can be implied from this that he knew very well that what he was signing was a binding contract between him and plaintiffs. I agree with the contention of Counsel for the plaintiffs that there was very little difference between a bond and a contract, and that if a bond can be filled up after execution, so can a contract. Here it may be necessary to quote a passage from **Halsbury's Laws of England**, Third Edition, Volume 3, page 347, paragraph 660, Modes of Discharge, note (g):

"blanks may be filled up, even after execution, by consent of all the parties"

Begitu juga dalam kes ini, defendan kedua dan ketiga adalah pengarah urusan dan pengarah defendan pertama masing-masing. Borang-borang berkenaan dalam Inggeris ditandatangani dalam abjad Inggeris, dan surat-menyurat berekoran ditulis dalam Inggeris juga mengenai rundingan penyelesaian ["negotiations for settlement"] dan langsung tidak membangkitkan soalan menandatangani borang-borang kosong. Afidavit-afidavit yang difailkan oleh defendan kedua dalam bahasa Melayu [yang tidak ada jurat menunjukkan kandungannya diterjemahkan ke dalam bahasa lain] membuktikan defendan kedua fasih dalam bahasa Melayu juga. Dalam keadaan ini tidak boleh dipercayai bahawa defendan kedua dan ketiga akan secara buta menandatangani borang-borang kosong yang sudah pun mengandungi peruntukan-peruntukan tertentu dalam bentuk cetak. Defendan ketiga mempunyai alamat yang sama dengan defendan kedua dan takkan boleh dikatakan dia tidak bertindak bersama dengan defendan kedua dalam transaksi berkenaan, lebih-lebih lagi apabila diperhatikan semua afidavit bagi ketiga-tiga defendan diikrar oleh defendan kedua.

(4) Bahawa peruntukan-peruntukan Akta Sewabeli 1967 tidak diikuti

Ini adalah pengataan kosong memandangkan kelengkapan tersebut tidak disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Sewabeli 1967 dan dengan itu peruntukan Akta itu tidak terpakai dalam kes ini: lihat s. 1(2) dan Jadual Pertama Akta Sewabeli 1967 dan kes *Credit Corporation (M) Berhad v. Choi Sang and another* [1989] 1 CLJ 1070.

(5) Kelewatan plaintif mengambil tindakan yang mana menjadi estoppel

Pengataan ini yang dinyatakan dalam pembelaan tidak wujud kerana dalam perjanjian sewabeli dan jaminan, ketiga-tiga defendan telah secara nyata bersetuju apa-apa masa tambahan, kelewatan atau pemberian masa bukanlah suatu penghalang kepada hak plaintif di bawahnya.

(6) Faedah tertunggak adalah 8% dan bukan 15%

Ini dinyatakan dalam afidavit jawapan dan pembelaan defendan pertama dan dijawab melalui afidavit tambahan plaintif. Plaintif mengatakan bahawa sebenarnya jumlah pokok yang dituntut tidak termasuk pengiraan faedah tertunggak [overdue interest]. Juga apabila ada suatu perjanjian bertulis maka keterangan dan dokumen-dokumen lain tidak patut dibawa untuk menyangkal terma-terma perjanjian: s. 91 Akta Keterangan 1950. Plaintif juga berhujah jika penjelasan ini tidak diterima, Mahkamah masih boleh di bawah A. 14, k. 3(1) memberi penghakiman untuk jumlah pokok dan memerintahkan bahawa isu faedah dibicarakan.

Saya bersetuju. Dalam kes *Development and Commercial Bank Berhad v. Dato' KK Sharma* [1987] 1CLJ 268, Dr Zakaria Yatim, H. telah memutuskan sedemikian di mukasurat 271 laporan kes itu dan saya menerimapakai prinsip dalam kes itu bagi maksud permohonan ini:

a 8. I agree with Mr Naban's submission. Since the defendant had not disputed the principal sum he owed the plaintiffs I think the figure RM150,000 could not have included interest. It was clear that plaintiffs were entitled to a summary judgment for that sum. I accordingly set aside the decision of the Senior Assistant Registrar and entered judgment for the plaintiffs in the sum of RM140,000 with costs. I ordered that the balance of the amount claimed, that is, on interest only should be decided at the trial.

b Dalam kes di hadapan saya juga ada bukti bahawa defendan-defendan telah mengakui menghutang jumlah pokok dan penghakiman muktamad boleh diberi bagi amaun itu dan soal faedah diperintah menunggu perbicaraan.

(7) Harga jualan terlalu rendah

Alegasi ini telah diberi penjelasan yang Mahkamah terima bahawa plaintif telah mengambil
c langkah yang paling munasabah dalam cubaan mendapatkan harga yang terbaik melalui pengiklanan dalam keadaan di mana respons tidak menggalakkan disebabkan kelembaban dalam industri membuat sarung tangan getah: lihat kes *Credit Corporation (M) Berhad v. Choi Sang and another* [1987] 1 CLJ 1070 di mukasurat 1072 EF [kiri] laporan kes itu, dan kes *Industrial Resources Sdn. Bhd. v. Awang Tahir bin Haji Hamzah* [1988] 2 MLJ 359 dalam mana Sears, H. (Brunei), memutuskan:

d First, it must always be remembered that in this type of action, the wrongdoer was the hirer under the hire-purchase agreement. It was he who brought the contract to an end and there is a line of authorities on the standard of conduct which a plaintiff, when dealing with such a wrongdoer, must attain when one has to assess what reasonable steps he should take to mitigate his loss. The leading case in the House of Lords in England is *Banco De Portugal v Waterlow* [19321 AC 452.

e The authorities all show that the plaintiff must act reasonably and that the standard of reasonableness is not high. All the plaintiff has to do is to do what would be normal in his normal course of business. I can see nothing wrong in what the plaintiffs have done in putting a notice in their premises inviting offers for the car and selling to the motor trade.

Kesimpulan

f Pada pendapat saya, plaintif telah mengesahkan [verify] kesnya melalui afidavit-afidavit dan dokumen-dokumen yang membuktikan permohonannya di bawah A. 14 untuk penghakiman muktamad. Afidavit-afidavit defendan-defendan pada keseluruhannya tidak menyangkal [do not contradict] afidavit-afidavit plaintif. Apabila sesuatu kes perlu diputuskan berdasarkan afidavit adalah menjadi prinsip undang-undang bahawa pengataan fakta yang tidak disangkal hendaklah dianggap sebagai benar [material allegations of facts which are not contradicted
g are deemed to be admitted]: lihat kes *Overseas Investment Pte Ltd v Anthony William O'Brien and another* [1988] 3 MLJ 332. Dalam kes di hadapan saya ini, pengataan-pengataan [averments] dalam pliding defendan-defendan tidak disokong oleh affidavit fakta-fakta yang berasas bagi membolehkan Mahkamah menerimanya. Maka perbuatan ini tidak mencukupi untuk menunjukkan sebab sebaliknya [show cause to the contrary] terhadap permohonan bagi penghakiman muktamad, seperti dikehendaki di bawah A. 14, k. 4 (1), sebab afidavit jawapan
h oleh defendan yang mengandungi fakta yang berasas adalah mustahak: lihat kes *Bank Negara Malaysia v Mohd Ismail bin Ali Johor and two others* [19921 1 CLJ 627. Pliding defendan-defendan adalah penafian kosong yang mana tidak sepatutnya berlaku: lihat kes *Malayan Banking Berhad v Chua Keng Leng t/a New Fortune Enterprise* [1991] 3 CLJ 2522. Tambahan kepada ini, afidavit-afidavit dan pliding defendan-defendan tidak sudi memberi butir-butir terperinci [does not condescend upon particulars] yang dimestikan. Ini adalah jelas
i daripada petikan berikut dari **The Supreme Court Practice 1985**, Volume 1, di mukasurat 137, para 14/3 - 4/4:

Defendant's affidavit - The defendant's affidavit must 'condescend upon particulars,' and should, as far as possible, deal specifically with the plaintiff's claim and affidavit, and state clearly and concisely what the defence is, and what facts are relied on to support it. It should also state whether the defence goes to the whole or part of the claim, and in the latter case it should specify the part.

A mere general denial that the defendant is indebted will not suffice (*Wallingford v Mutual Society* [1880] 5 App Cas 685, per Lord Blackburn, page 704; *Re General Rail Syndicate, Whiteley's Case* [1900] 1 Ch 365, per Lindley MR, page 369; *Anon* [1875] WN 249, per Quain J, page 250) unless the grounds on which the defendant relies as showing that he is not indebted are stated (If the affidavit commences with a statement that the defendant is not indebted to the plaintiff in the account claimed, or any part thereof, it should state why the defendant is not so indebted, and state the real nature of the defence relied on (*Re General Rail Syndicate,* above).

Again, it is not enough for the defendant to show a case of hardship but creating no enforceable right, eg. past promise by plaintiff unsupported by valuable consideration (*Woolston v Baines* [1876] WN 74) nor a mere inability to pay (*Besant v Townsend* 22 LR 389) nor an allegation that the plaintiff has given time for payment which constitutes no defence unless there be consideration (1905) 22 TLR 24).

If the defence relied on is fraud the affidavit should state the particulars of the fraud [see O. 18, r.8(1); *Wallingford v. Mutual* Society [1880] 5 App Cas 685]. A mere vague general allegation of fraud is useless.

Similarly, if a legal objection is raised the facts and the point of law arising thereon must be clearly stated [see O. 18 r. 11].

Indeed, in all cases, sufficient facts and particulars must be given to show that there is a triable issue [see r.3(1)].

Oleh yang demikian saya telah putuskan tidak ada apa-apa isu yang patut dibicarakan [there was no triable issue] dalam makna yang diberi kepada ungkapan itu dalam kes *Bank Negara Malaysia v. Mohd Ismail bin Ali Johor and two others* [1992] 1 CLJ 627. Seterusnya saya telah beri penghakiman muktamad dengan kos mengenai amaun pokok yang dituntut dan memerintahkan supaya soalan kadar faedah diputuskan menerusi perbicaraan kes, sepertimana telah dilakukan juga dalam kes *Foo Chee Tuck v. Chong Ah Hong @ Chong Yen Long and another* [1987] 1 CLJ 271.

Encik Nakaretanam bagi pihak defendan-defendan telah pohon supaya kes ditangguh dari kamar ke dalam Mahkamah untuk penghujahan lanjut. Ini dibenarkan atas alasan Encik Nakaretanam bahawa ada poin-poin penting yang perlu dititikberatkan. Berekoran itu, Encik Nakaretanam menghujahkan bahawa plaintif tidak menunjuk dalam pernyataan tuntutan bahawa kelengkapan tersebut telah dijual dan cuba meminda pernyataan tuntutan melalui afidavit. Atas autoriti kes *United Malayan Banking Co v Palm and Vegetable Oils (M) Sdn. Bhd. and others* [1983] 1 MLJ 206 beliau mengatakan plaintif dalam permohonan ini cuba meminda pernyataan tuntutan melalui afidavit yang mana tidak boleh diterima.

Saya tidak bersetuju. Pada pendapat saya Encik Nakaretanam tersilap dalam mentafsirkan autoriti itu. Dalam kes di hadapan saya ini, plaintif dalam perenggan 8 hingga 11 pernyataan tuntutan dengan bahasa yang jelas telah mendedahkan fakta pengambilanbalik dan penjualan kelengkapan tersebut dan menuniukkan melalui akaun terperinci bagaimana jumlah kekurangan RM292,843.92 [shortfall amount] dikira bagi maksud tuntutan. Maka fakta-fakta dalam autoriti *United Malayan Banking Co v Palm and Vegetable Oils (M) Sdn. Bhd. and others* jauh bezanya dari fakta-fakta dalam kes di hadapan saya ini. Dalam autoriti itu Raja Azlan Shah,

Pemangku Ketua Hakim Negara pada masa itu [kini Seri Paduka Baginda Sultan Perak], telah mengatakan seperti berikut di mukasurat 207 laporan kes:

> As we have said earlier the deposit of the shares as security was not disclosed in the statement of claim when the action was instituted nor was the fact that the security had been realised in a series of sales of the shares between January and September 1980, and these matters were only disclosed for the first time in June 1981 in the affidavit in support of the O. 14 summons. This omission is surprising, to say the least, and we cannot but observe that any defect or omission in the statement of claim cannot be made good by affidavit evidence: *Gold Ores Reduction Co v Parr* [1892] 2 QB 14 where Matthew J said that 'it is most important that a defendant should know from the writ what the exact claim against him is.

Maka tidak boleh dinafikan bahwa plaintif (perayu) dalam autoriti itu langsung tidak mendedahkan dalam pernyataan tuntutan bahawa saham-saham berkenaan telah dideposit sebagai sekuriti dan kemudiannya dijual manakala plaintif dalam kes di hadapan saya ini telah, dalam bahasa yang jelas, terus-terang mendedahkan fakta pengambilanbalik dan penjualan kelengkapan tersebut.

Encik Nakaretanam juga berhujah bahawa sama ada kelengkapan tersebut diambilbalik atau dikembalikan membangkitkan isu yang harus dibicarakan [it is a triable issue whether the said equipment was repossessed or voluntarily given back). Beliau tidak mengemukakan sebarang autoriti bagi menyokong hujah ini. Pada pendapat saya, sama ada kelengkapan tersebut dikembalikan [oleh defendan-defendan] atau diambilbalik [oleh plaintif] tidak ada perbezaan dalam keadaan yang wujud di sini sehingga menjadi isu yang harus dibicarakan. Apabila defendan-defendan mengatakan kelengkapan tersebut dikembalikan, plaintif telah mengambilbaliknya. Saya kurang faham bagaimana fakta ini boleh dikatakan ada kaitan dengan jumlah kekurangan [shortfall amount] yang dituntut.

Memandangkan tidak ada apa-apa dalam hujah lanjutan dalam Mahkamah yang bermerit bagi menunjukkan ada apa-apa isu yang seharus dibicarakan, saya telah mengesahkan perintah saya yang telah dibuat dalam kamar, iaitu penghakiman muktamad dengan kos dimasukkan bagi plaintif untuk amaun pokok dan soalan faedah diperintah diputuskan selepas perbicaraan perkara itu. Di samping itu permohonan defendan kedua melalui lampiran (12) untuk tindakan ini disatukan dengan tindakan lain [yang tidak disebut nombor tindakan berkenaan dalam permohonan atau disokong oleh afidavit] telah ditolak tanpa kos dengan persetujuan kedua-dua pihak.